

# **AMALAN GURU CEMERLANG DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP) BAHASA DAN SASTERA ARAB MENGIKUT STRATEGI IBNU KHALDUN**

## ***(EXCELLENT TEACHER PRACTICES IN TEACHING AND LEARNING ARABIC LANGUAGE AND LITERATURE BASED ON IBN KHALDUN STRATEGIES)***

**Rosni Samah\*, Aishah Isahak dan Wan Azura Wan Ahmad**

Faculty of Major Language Studies, Universiti Sains Islam Malaysia,  
Bandar Baru Nilai, Nilai, 71800 Negeri Sembilan, Malaysia

\*Corresponding author: [rosni@usim.edu.my](mailto:rosni@usim.edu.my)

Publication date: 30 June 2020

To cite this article: Rosni Samah, Aishah Isahak, & Wan Azura Wan Ahmad. (2020). Amalan guru cemerlang dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa dan sastera Arab mengikut strategi Ibnu Khaldun. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 35(1), 37–54. <https://doi.org/10.21315/apjee2020.35.1.3>

To link to this article: <https://doi.org/10.21315/apjee2020.35.1.3>

**Abstract:** Teaching Arabic language and literature in Malaysia is growing rapidly and across all levels of study. However, the problems are not yet fully explored. Weakness of student acquisition is always addressed by researchers. This content occurs because the teaching method still uses the old method, namely translation and teacher-centered learning. The purpose of this study is to present a language teaching strategy described by Ibn Khaldun and to see teachers performing to meet the needs of this strategy. In order to obtain the data, this study used qualitative methods that used interviews as an instruments for data acquisition. Eight excellent teachers were selected for this study. The findings show that Ibn Khaldun's strategy is divided into three parts, gathering, strengthening and application. The practice of excellent teachers meets the requirements of this strategy. This study proposes to stakeholders to adapt this strategy in teaching Arabic to fit the requirements of PAK-21.

**Keywords:** Arabic language, teaching, strategy, language acquisition, language skills

**Abstrak:** Pendidikan bahasa dan sastera Arab di Malaysia berkembang dengan begitu pantas dan merentasi kesemua peringkat pengajian. Namun begitu, permasalahan

pembelajarannya masih belum selesai dikaji. Kelemahan penguasaan pelajar sentiasa diperkatakan oleh penyelidik. Isi ini terjadi disebabkan kaedah pengajarannya masih menggunakan kaedah lama, iaitu terjemahan dan pembelajaran berpusatkan guru. Tujuan kajian ini adalah untuk mengemukakan strategi pengajaran bahasa yang dijelaskan oleh Ibnu Khaldun dan melihat amalan guru-guru cemerlang yang menepati kehendak strategi ini. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang menggunakan temu bual sebagai instrumen bagi mendapatkan data. Seramai lapan orang guru cemerlang dipilih bagi menjayakan kajian ini. Dapatan menunjukkan strategi Ibnu Khaldun terbahagi kepada tiga bahagian: pengumpulan, pengukuhan dan aplikasi. Amalan guru-guru cemerlang pula menepati kehendak strategi ini. Kajian ini mencadangkan kepada pihak berkepentingan supaya mengadaptasi strategi ini dalam pembelajaran bahasa Arab supaya bersesuaian dengan kehendak pembelajaran abad ke-21 (PAK-21).

**Kata kunci:** bahasa Arab, pengajaran, strategi, penguasaan bahasa, kemahiran bahasa

## PENDAHULUAN

Dalam pembelajaran bahasa Arab di Malaysia secara amnya, isu yang banyak ditimbulkan oleh penyelidik sebelum ini ialah kelemahan pelajar dalam penguasaan bahasa Arab yang dapat dilihat dengan jelas ketika mereka berada di peringkat universiti (Azlan, Rosni, & Rohaizaf, 2017). Antara faktor-faktor kelemahan yang dikemukakan ialah pelajar kurang menggunakan strategi pembelajaran bahasa (Mastura & Kaseh, 2012) kerana kaedah pengajaran yang diamalkan lebih berpusat kepada guru dengan menggunakan kaedah terjemahan semata-mata seperti dapatan Rosni (2014) dan Dedek, Maimun, Irma Martiny dan Nur Syamira (2017). Muhammad Amnan (2016) menjelaskan bahawa sesetengah guru tidak memberi perhatian terhadap kaedah pengajaran mereka, terutama untuk menarik minat pelajar.

Nur Khamimi, M. Sabri dan M. Najib (2016), dan Abdul Razif, Muhammad Redzaudin, Rufian, Mohamad Rushdan, Nurshamsinar dan Hasmadi (2017) berpendapat bahawa kaedah pengajaran yang berlaku di sekolah sekarang merupakan kaedah lama yang lebih berfokus kepada komunikasi satu hala sahaja. Pelajar hanya menerima tanpa berusaha dan menghafal pelajaran yang diberi.

Mohd Zaki, Kaseh, Nik Farhan dan Nurazan (2016), Irma Martiny, Maimun, Zaid dan Aishah (2017), dan Abdul Razif et al. (2017) menjelaskan bahawa guru sendiri yang tidak mempunyai strategi dalam pengajaran bahasa Arab menyebabkan pelajar tidak menggunakan strategi yang berkesan dalam mempelajari bahasa. Berdasarkan temu bual bersama pelajar lepasan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah, pengkaji menjelaskan bahawa kaedah lama ini digunakan

secara meluas di setiap peringkat pengajian. Bertolak daripada permasalahan guru yang masih menggunakan kaedah lama, kajian ini cuba melihat amalan guru-guru bahasa dan sastera Arab terpilih yang bersesuaian dengan strategi imitasi Ibnu Khaldun untuk pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa Arab.

Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif berikut:

1. Mengenal pasti strategi pengajaran bahasa yang dijelaskan oleh Ibnu Khaldun.
2. Mengkaji amalan guru-guru cemerlang yang menepati kehendak strategi ini.

## **KAJIAN LITERATUR**

Penyelidik seperti Nurazan (2004), Kamarul Shukri (2009), Azman dan Goh (2010), Alhashemi (2012), Harun dan Zawawi (2014), Nik Hanan dan Rabiatal Aribah (2014), Abdul Razif (2015), Rosni, Fariza, Noor Saazai, Suraini, Ramiaida dan Haliza (2016) dan Mohd Zaki et al. (2016) telah menjalankan penyelidikan tentang penggunaan strategi yang betul dalam kalangan pelajar bahasa Arab.

Hasil dapatan mereka menunjukkan bahawa pelajar kurang menggunakan strategi pembelajaran bahasa. Menurut Rosni (2014) dan Abdul Razif et al. (2017), antara sebabnya ialah cara guru mengajar yang berbeza dengan kehendak perilaku strategi. Guru tidak memilih kaedah pengajaran yang boleh mengaktifkan strategi pelajar. Muhammad Amnan (2016) dan Nur Khamimi et al. (2016) menjelaskan bahawa guru banyak menggunakan kaedah tradisi dalam pengajaran bahasa Arab. Berdasarkan temu bual bersama pelajar lepasan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), pengkaji berpendapat bahawa kesan daripada kaedah tradisi yang digunakan oleh guru menyebabkan pelajar kurang berinteraksi dalam kelas serta mengambil sikap tunggu dan dengar sahaja.

Berdasarkan temu bual bersama pelajar lepasan STAM dan SPM, pengkaji menjelaskan bahawa guru yang menjalankan segala aktiviti pembelajaran bermula dengan bacaan, terjemahan, huraian, soal jawab dan kesimpulan. Terdapat soalan-soalan kefahaman pun dijawab oleh guru. Pelajar hanya menerima dan menyalin sahaja apa yang diberikan oleh guru. Mereka tidak pernah ditanya, diminta membaca, apatah lagi menghurai dan membuat pembentangan. Pendekatan guru seperti ini menyebabkan pelajar bahasa Arab bersikap pasif sehingga tidak mahu bercakap atau menjawab apabila ditanya.

Strategi pengajaran bahasa banyak bergantung kepada kaedah dan pendekatan pengajaran yang diamalkan oleh guru. Muhamad Tsabirin (2017) menyatakan bahawa kaedah pengajaran merupakan unsur terpenting dalam proses pengajaran bagi mencapai objektif pendidikan.

### **Pandangan Ibnu Khaldun terhadap pembelajaran Bahasa**

Ibnu Khaldun (2002) menjelaskan bahawa bahasa merupakan satu kemahiran seperti kemahiran-kemahiran lain yang boleh dikuasai dengan banyak latihan dan amali. Beliau merumuskan bahawa kunci kepada bahasa adalah pendengaran. Ini bermaksud seseorang yang hendak belajar bahasa asing, hendaklah menguasainya melalui pendengaran yang betul. Dalam PdP bahasa Arab, guru hendaklah memulakan pembelajaran dengan memperdengarkan bacaan atau dialog yang betul dan meminta pelajar meniru gaya yang sama. Latihan pengayaan, ajukan dan tiruan ini hendaklah selalu dilakukan oleh pelajar sehingga mereka mampu menghasilkan gaya sebutan sebenar.

Antara aktiviti yang disebutkan oleh beliau ialah mengulangi sebutan, membiasakan sebutan sehingga menjadi adat, sentiasa praktis dalam pelbagai situasi, sentiasa berinteraksi dengan penutur dan menghafal ayat-ayat atau ungkapan-ungkapan tertentu untuk digunakan. Tingkah laku dan perbuatan yang dicadangkan ini memerlukan pembelajaran berpusatkan kepada murid. Guru hendaklah merancang aktiviti dan memberi peluang dan kebebasan kepada pelajar melakukannya supaya dapat mencapai kemahiran. Rohaizaf, Rosni dan Azlan (2018) menghuraikan pendekatan Ibnu Khaldun ini dengan pendekatan Kaedah Terus. Dapatan menunjukkan aktiviti dalam Kaedah Terus menepati aktiviti yang dikemukakan oleh Ibnu Khaldun. Guru hendaklah merancang PdP bahasa Arab dan aktiviti dilakukan oleh pelajar yang bermula dengan contoh bacaan, latihan membina ayat, latihan kefahaman, berinteraksi, pembentangan dan juga kesimpulan. Pelajar boleh melakukan aktiviti-aktiviti PdP dalam kumpulan dan juga secara individu.

Berasaskan pandangan Ibnu Khaldun, pengajaran bahasa hendaklah mempunyai strategi, iaitu tingkah laku atau perbuatan bagi membolehkan pelajar mengumpul bahasa dari pelbagai bahan dan sumber serta membina kemahiran melalui interaksi dalam pelbagai aktiviti dan persekitaran bahasa dalam PdP bahasa.

Hasil daripada penelitian pandangan Ibnu Khaldun, dapat disimpulkan bahawa tiga strategi pengajaran bahasa Arab untuk penutur bukan Arab boleh dilaksanakan dalam PdP bagi membantu penguasaan pelajar. Pertama, pengumpulan kosa kata dan ayat. Kedua, pengukuhan kosa kata dan ayat yang telah dikuasai dan ketiga adalah aplikasi. Tiga strategi ini boleh dihuraikan berdasarkan aktiviti-aktiviti

yang telah dibuktikan oleh beberapa kajian yang dijalankan oleh penyelidik seperti Rohaizaf et al. (2018).

Strategi pengumpulan mempunyai empat perilaku, iaitu mencari, mencatat, bertanya dan merujuk. Guru hendaklah merancang pengajarannya supaya pelajar dapat melaksanakan perilaku tersebut dalam pelbagai aktiviti seperti bacaan, pendengaran, interaksi dan penulisan. Dalam strategi pengumpulan ini, guru hendaklah menggerakkan pelajar bagi mencari kosa kata dan frasa yang selalu digunakan dalam bahan berbahasa Arab dan mencatatkannya ke dalam buku catatan bahasa. Seterusnya, mengaktifkan pelajar supaya bertanya rakan atau guru, atau merujuk kamus bagi mengetahui makna dan penggunaannya yang sebenar.

Strategi pengukuhan pula, mempunyai lapan perilaku iaitu menghafal, mengajuk, berinteraksi, mencatat semula, mengulangi, memperbaiki kesalahan, menterjemah, dan membina ayat (penggunaan kaedah bahasa). Guru perlu merancang bagi membolehkan pelajar melaksanakannya melalui aktiviti pembacaan, pendengaran, interaksi atau komunikasi dan penulisan. Strategi pengukuhan juga memerlukan bahan-bahan bahasa Arab seperti dalam strategi pengumpulan di atas. Dalam strategi pengukuhan ini, guru hendaklah menggalakkan pelajar berusaha mengingat kosa kata dan frasa yang diperolehi daripada strategi pertama melalui aktiviti perilaku.

Strategi aplikasi pula, mempunyai sembilan perilaku iaitu berkomunikasi, berinteraksi, membentang, mempersembah, beraktiviti, menterjemah, menulis, mendengar dan membaca. Guru hendaklah merancang aktiviti pembelajaran bagi membolehkan pelajar beraktiviti dalam persekitaran bahasa yang menggunakan bahasa Arab sepenuhnya. Persekitaran bahasa hendaklah diwujudkan bagi memenuhi tuntutan tersebut.

Bagi menjayakan strategi aplikasi ini, guru hendaklah merancang aktiviti pembelajaran yang membolehkan pelajar menggunakan kosa kata dan frasa yang telah dikumpul dan diperkukuhkan dalam pelbagai aktiviti bahasa dan persekitaran dengan lancar, seolah-olah mereka sudah pun menguasai bahasa tersebut dengan sepenuhnya. Haslina (2013) dan Siti Asiah (2013), menyatakan bahawa pelajar yang selalu menggunakan bahasa dalam situasi sebenar dapat mempertingkatkan kemahiran bahasa mereka.

## **METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk penerokaan melalui instrumen temu bual guru-guru cemerlang bagi mendapatkan data yang diperlukan. Strategi Ibnu Khaldun merupakan strategi utama yang mendasari kajian ini. Strategi ini dikembangkan supaya disesuaikan dengan pendekatan pengajaran bahasa Arab. Ia berasaskan kepada persekitaran atau sosial. Kunci kepada kemahiran adalah pendengaran yang merupakan sumber penguasaan bahasa yang betul dan tepat. Penguasaan kemahiran tersebut adalah melalui strategi perolehan, pengukuhan dan aplikasi. Ia dibahagikan mengikut tiga sub strategi, iaitu pengumpulan, pengukuhan dan aplikasi.

Dalam menjayakan temu bual, peserta kajian adalah seramai lapan (8) orang guru cemerlang yang mengajar subjek bahasa Arab lebih dari 10 tahun. Mereka dipilih dari kawasan yang berbeza. Dua (2) orang mewakili setiap zon iaitu utara, tengah, selatan dan timur. Dalam kalangan mereka terdapat dua (2) orang pemegang ijazah PhD dan selebihnya ijazah sarjana.

Temu bual merupakan instrumen pengumpulan data bagi kajian kualitatif yang digunakan dalam kajian ini. Patton (1980) menjelaskan terdapat tiga jenis teknik temu bual; formal, tidak formal dan terbuka. Fontana dan Frey (1994), dan Merriam (1998) mengemukakan juga tiga jenis temu bual dari sudut berstruktur, separa struktur dan tidak berstruktur. Penyelidik menggunakan temu bual berstruktur bagi kajian ini untuk mengumpul maklumat yang tepat seperti sosiodemografi, umur, pengalaman, tahap pendidikan dan sebagainya seperti yang dijelaskan oleh Merriam (1998). Begitu juga penyelidik menggunakan temu bual separa berstruktur untuk mengumpul maklumat tentang persepsi dan amalan guru-guru berpengalaman terhadap amalan yang mereka amalkan dalam PdP bahasa Arab mengikut strategi Ibnu Khaldun.

## **DAPATAN KAJIAN**

Daripada penelitian pandangan Ibnu Khaldun, dapat disimpulkan bahawa strategi pengajaran bahasa terbahagi kepada tiga sub strategi, iaitu pengumpulan, pengukuhan dan aplikasi. Setiap sub strategi mempunyai tingkah laku tersendiri bagi mencapai objektifnya. Huraian di bawah adalah berdasarkan data temu bual guru berpengalaman mengajar bahasa dan sastera Arab. Mereka mengemukakan tingkah laku atau amalan berikut yang dilakukan semasa menjalankan PdP bahasa Arab. Amalan ini bersesuaian dengan strategi yang diperkenalkan oleh Ibnu Khaldun.

## **Pengumpulan**

Strategi ini mempunyai empat sub strategi yang perlu dilakukan. Setiap sub strategi mempunyai tingkah laku atau tindakan tersendiri yang perlu dilaksanakan oleh guru dalam aktiviti kemahiran bahasa.

1. Mencari kosa kata dan ayat baharu
  - (a) Guru memperdengarkan kepada pelajar bacaan dalam bahasa Arab dan mereka mencari perkataan yang tidak difahami.
  - (b) Pelajar/kumpulan membaca teks dan pelajar/kumpulan lain mencari perkataan yang tidak difahami.
  - (c) Pelajar menonton video dan mencari perkataan yang tidak diketahui.
2. Mencatat
  - (a) Guru/pelajar/kumpulan memperdengarkan bacaan daripada bahan yang disediakan dan pelajar lain mencatat perkataan baharu hasil daripada pendengaran.
  - (b) Guru/pelajar/kumpulan berdialog atau membahaskan sesuatu tajuk dan pelajar lain mencatat perkataan baharu yang diperolehi.
  - (c) Guru/pelajar/kumpulan membaca bahan yang disediakan dan mencatat perkataan baharu yang diperolehi.
  - (d) Guru/pelajar/kumpulan menganalisa bahan yang disediakan dan mencatat makna yang berlawanan atau sama makna atau mufrad, jamak dan muthanna.
3. Bertanya guru atau rakan
  - (a) Guru menyediakan ujian lisan dan berbincang antara guru dengan pelajar dan pelajar dengan pelajar. Mereka bertanya tentang kosa kata baharu.
  - (b) Membuat aktiviti pemahaman teks pilihan melalui bacaan. Pelajar dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan setiap kumpulan diberikan teks ringkas untuk dibincangkan. Mereka hendaklah bertanya sesama mereka dan merentasi kumpulan.
  - (c) Melakukan aktiviti analisa teks pilihan melalui penulisan. Pelajar dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan setiap kumpulan

diberikan teks ringkas untuk dianalisa. Mereka hendaklah bertanya sesama mereka dan merentasi kumpulan.

#### 4. Merujuk kamus

- (a) Guru/pelajar/kumpulan memperdengarkan bacaan bahan yang disediakan dan mereka mencari makna perkataan baharu melalui kamus.
- (b) Guru/pelajar/kumpulan membuat aktiviti pemahaman teks pilihan melalui bacaan dan perbincangan. Mereka hendaklah mencari makna perkataan baharu melalui kamus.
- (c) Guru/pelajar/kumpulan membuat aktiviti analisa teks pilihan melalui penulisan. Mereka hendaklah mencari makna perkataan baharu melalui kamus.
- (d) Guru mengadakan latihan penulisan melalui terjemahan secara berkumpulan. Pelajar hendaklah merujuk kamus.

### **Pengukuhan**

Selepas menguasai kosa kata baharu, pelajar hendaklah menjalankan aktiviti pengukuhan supaya kosa kata tersebut dapat digunakan dengan baik dan lancar. Bagi mencapai matlamat ini, guru hendaklah melakukan pendekatan pengukuhan dalam proses PdP bagi membolehkan pelajar melaksanakan aktiviti pengukuhan. Terdapat lapan tingkah laku pengukuhan yang perlu dilakukan oleh guru semasa PdP berjalan. Ia boleh dilaksanakan melalui empat kemahiran bahasa atau boleh diadunkan kesemuanya dengan tidak mengikut turutan.

#### 1. Menghafal

- (a) Guru mengadakan aktiviti membaca petikan dan mencari perkataan baharu serta menghafal perkataan tersebut. Pelajar perlu menghafal setiap hari sekurang-kurangnya tiga perkataan.
- (b) Guru memberikan dialog dan teks ucapan. Seterusnya, meminta pelajar menghafal dan membentangkannya di hadapan kelas.
- (c) Guru meminta pelajar menyebut perkataan dalam bahasa Arab sedangkan guru menyebut perkataan dalam bahasa Melayu.
- (d) Pelajar membaca teks dengan lancar berkali-kali dalam kumpulan dan memahaminya.



## 2. Mengajuk

- (a) Guru meminta pelajar melakukan satu situasi dengan menggunakan ungkapan dan gaya badan. Pelajar lain akan mendengar dan cuba mengajuk ayat dan gaya yang sama. Pelajar juga dikehendaki mendengar dan menulis kemudian mengajuk ayat tersebut.
- (b) Guru membaca dengan gaya nada dan pelajar dikehendaki mengajuknya.
- (c) Guru mendedahkan pelajar dengan menonton filem Arab baku. Kemudian meminta mereka mengajuk gaya sebutan.
- (d) Guru memperdengarkan perbualan dalam bahasa Arab melalui radio atau rakaman. Kemudian meminta mereka mengajuk perbualan tersebut.

## 3. Berinteraksi

- (a) Guru melakukan set induksi seperti bertanya khabar, bertanya soalan-soalan mudah, bertanya soalan berkaitan tajuk yang diberi dan mengadakan perbincangan pelajar sesama pelajar.
- (b) Guru meminta pelajar menggunakan kosa kata baharu dalam perbualan dan menulis karangan dan mengarahkan mereka berinteraksi di dalam kelas bersama pasangan yang telah ditetapkan.
- (c) Guru memberi perkataan tertentu dan meminta pelajar membuat teks perbualan berbentuk ayat lengkap seterusnya berinteraksi di hadapan kelas bersama rakan-rakan.

## 4. Mencatat semula

- (a) Guru menyebut perkataan dan meminta pelajar menulis perkataan tersebut serta membina ayat daripadanya.
- (b) Guru menulis satu ungkapan atau kosa kata baharu di papan putih serta meminta pelajar mencatat atau guru membaca teks dan meminta pelajar mengeluarkan isi penting daripada teks dan mencatatnya.
- (c) Guru memainkan video dan pelajar diminta mencatat isi-isi penting dari bahan tersebut.

5. Mengulangi

- (a) Guru membaca teks bersama pelajar berulang kali.
- (b) Guru menyenaraikan kosa kata dan meminta pelajar mengulanginya.
- (c) Guru memperdengarkan audio atau video berkaitan perkataan yang dipelajari dan pelajar menyebutnya berulang-ulang.
- (d) Guru menyebut beberapa ungkapan atau kosa kata serta meminta pelajar mengulangi sebutannya.
- (e) Pelajar mengulangi perkataan beramai-ramai dan guru membetulkannya jika terdapat sebutan yang salah.

6. Memperbaiki kesalahan

- (a) Guru meminta pelajar menjawab soalan dan latihan. Guru dan rakan-rakan menyemak bersama kesalahan bahasa.
- (b) Guru mengadakan aktiviti menulis dengan mengarahkan pelajar menukar sesama pelajar kertas tersebut dan berbincang bersama jawapan dan kesalahan yang dilakukan.
- (c) Guru mengadakan aktiviti mendengar dengan meminta pelajar bertutur serta membetulkan kesalahan bersama pelajar.
- (d) Guru membaca teks yang dibuat kesilapan penggunaan kosa kata serta meminta pelajar membetulkannya.
- (e) Guru meminta pelajar membuat tugas dan membenteng di hadapan kelas. Rakan-rakan membuat pembetulan dengan dibantu oleh guru.

7. Menterjemah

- (a) Guru memberi potongan ayat cerita yang bersambung-sambung kepada kumpulan-kumpulan pelajar. Mereka diminta menterjemah. Kemudian menyambung untuk dijadikan sebuah cerita.
- (b) Guru memilih perenggan atau ayat tertentu dan meminta pelajar menterjemah.
- (c) Semasa PdP berjalan guru meminta pelajar secara spontan menterjemah perkataan atau ayat tertentu.

## 8. Membina ayat

- (a) Guru membaca teks petikan dan meminta pelajar membina ayat daripada perkataan yang baharu ditemui.
- (b) Guru memberi perkataan luar buku teks dan meminta pelajar membina ayat dengan menggunakan perkataan dari teks yang telah dipelajari.
- (c) Guru menjalankan aktiviti menulis dan membina karangan tentang tajuk tertentu di atas papan putih dengan bantuan daripada kawan-kawan.
- (d) Guru mengadakan aktiviti menulis melalui gabungan perkataan, rangkaian kata untuk disusun, situasi, carta pai, jadual, iklan dan bercerita berdasarkan gambar. Kemudian pelajar diminta membina ayat dan menerangkannya di hadapan kelas.

## **Aplikasi**

Strategi ini mempunyai kaitan yang kuat dengan empat kemahiran bahasa. Guru melaksanakan strategi ini melalui aktiviti kemahiran bertutur seperti komunikasi, interaksi, pembentangan, persembahan, terjemahan, aktiviti mendengar, membaca dan menulis. Begitu juga strategi aplikasi ini diterapkan melalui aktiviti di dalam dan di luar kelas. Berikut adalah dapatan yang diperolehi hasil daripada temu bual guru-guru bahasa Arab yang berkaitan dengan amalan mereka.

### 1. Aktiviti bertutur dan mendengar

- (a) Guru sentiasa menggunakan bahasa Arab semasa proses PdP supaya pelajar dapat berkomunikasi melalui bahasa tersebut.
- (b) Guru mengadakan aktiviti dengan meminta pelajar membina teks perbualan berdasarkan situasi tertentu dengan menggunakan perkataan dan ayat yang telah dikumpul. Kemudian, pelajar berkomunikasi berpandukan teks tersebut, atau meminta dua orang pelajar berdialog dari jarak jauh agar mereka berkeyakinan dalam mengungkapkan ayat.
- (c) Guru mengadakan perbincangan dua hala dengan pelajar dan juga mengarah pelajar berbincang sesama mereka.
- (d) Begitu juga mereka diberi tugas atau tugas luar untuk membuat projek. Kemudian membentangkannya di hadapan kelas, atau

menghantar wakil untuk membentangkan dalam bentuk debat, pidato atau forum.

- (e) Begitu juga mereka diberi tugas untuk membuat projek dan tugas luar. Kemudian membuat persembahan di hadapan kelas.
- (f) Semasa PdP berjalan, guru meminta pelajar secara rawak untuk menterjemah perkataan atau bahagian tertentu daripada teks bacaan bagi menguji kefahaman mereka.
- (g) Guru memperdengarkan bacaan contoh di awal sesi PdP. Begitu juga guru sentiasa bertanyakan pelajar tentang kefahaman terhadap subjek yang didengari.

## 2. Aktiviti bacaan dan penulisan

- (a) Dalam PdP, guru secara aktif meminta pelajar secara rawak membaca ayat-ayat tertentu dalam petikan, atau membaca tempat-tempat tertentu daripada teks serta mengadakan pertandingan membaca.
- (b) Guru meminta pelajar menulis isi-isi penting dalam PdP dan kesimpulan yang dipelajari.
- (c) Semasa PdP sedang berjalan, guru meminta pelajar menulis isi penting yang dipelajari dan juga menulis ringkasan daripada teks bacaan.

## **PERBINCANGAN**

Kajian ini mendapati bahawa amalan pengajaran bahasa Arab guru-guru cemerlang bersesuaian dengan strategi yang dikemukakan oleh Ibnu Khaldun. Dalam bahagian strategi pengumpulan kosa kata dan ayat bahasa Arab, didapati guru-guru menggunakan sub strategi mencari, mencatat, bertanya dan merujuk kamus melalui aktiviti-aktiviti kelas seperti membaca dan menganalisa teks, menonton video, berbincang dalam kumpulan dan merujuk kamus. Aktiviti-aktiviti ini dapat memberi penambahan kosa kata baharu kepada pelajar seperti dapatan kajian yang dijalankan oleh Muhammad Taqiuddin (2017).

Kajian Rosni et al. (2016) menunjukkan pelajar-pelajar cemerlang menggunakan strategi pengumpulan ini bagi meningkatkan saiz kosa kata dan kemahiran bahasa mereka. Begitu juga kajian Farah Wahidah (2013) menunjukkan pelajar yang berjaya ialah mereka yang selalu bertanya dan merujuk kamus bagi menambahkan

penguasaan bahasa Arab mereka. Kajian Rohaizaf et al. (2018) menunjukkan pelajar yang berjaya menguasai kemahiran bahasa ialah mereka yang selalu berinteraksi dalam PdP.

Dalam strategi pengukuhan, didapati guru-guru mengamalkan aktiviti-aktiviti yang dapat memberi pengukuhan kepada kosa kata dan ayat bahasa Arab yang dikumpul oleh pelajar. Dalam sub strategi menghafal, guru-guru menggunakan aktiviti bacaan petikan dan teks dengan lancar berkali-kali serta menghafal perkataan baharu. Kajian Siti Asiah (2013) menunjukkan kepentingan hafalan dalam meningkatkan kemahiran bahasa. Melalui perkataan dan ayat yang dihafal, pelajar dapat mengembangkan ayat-ayat yang lain.

Begitu juga aktiviti lakonan, meniru gaya bahasa, menonton filem, mendengar bacaan dan perbualan digunakan untuk sub strategi mengajuk. Rohaizaf et al. (2018) mencadangkan supaya diperkenalkan aktiviti mengajuk dalam pengajaran bahasa Arab agar pelajar dapat mengajuk gaya sebutan dan intonasi yang betul. Turut dicadangkan supaya guru mengadakan aktiviti bacaan contoh dalam menyebut perkataan dan membaca teks. Kemudian pelajar turut meniru gaya yang ditunjukkan oleh guru.

Dalam sub strategi berkomunikasi, guru sentiasa menggunakan komunikasi dua hala dengan pelajar dan menggunakan bahasa sasaran dalam proses PdP. Dalam sub strategi berinteraksi, guru mengamalkan aktiviti melalui set induksi seperti bertanya khabar, bertanya soalan-soalan mudah, bertanya soalan berkaitan tajuk yang diberi dan mengadakan perbincangan pelajar sesama pelajar dan juga interaksi dua hala dengan pelajar. Komunikasi dan interaksi ini dapat memberi pengukuhan dan kemahiran bahasa kepada pelajar. Rohaizaf et al. (2018) mencadangkan agar aktiviti komunikasi dan interaksi ini diamalkan dalam PdP bahasa Arab supaya dapat membantu membina kemahiran dalam kalangan pelajar. Begitu juga kajian Muhamad Thaqif (2013) menjelaskan bahawa komunikasi dan interaksi dalam pelbagai aktiviti pembelajaran bahasa Arab dapat meningkatkan kemahiran bahasa pelajar.

Antara sub strategi yang diamalkan oleh guru-guru, ialah mencatat semula melalui aktiviti menyebut dan mencatat, menulis dan mencatat, menonton filem dan mencatat, dan juga membaca teks dan mencatat. Guru-guru banyak memberi peluang kepada pelajar mencatat semula perkataan dan ayat yang mereka kuasai supaya dapat diingat dengan baik dan senang untuk diungkapkan. Begitu juga guru-guru mengamalkan sub strategi mengulang melalui aktiviti membaca teks dan mengulang, menyenaraikan dan mengulang serta mendengar dan mengulang.

Aktiviti mengulangi ini juga banyak memberi peningkatan kemahiran kepada pelajar.

Aktiviti mencatat semula dan mengulang dapat membantu pelajar mengingat perkataan dan ayat yang sedia ada serta memberi peluang memperkembangkannya seperti dapatan kajian Rohaizaf (2014) yang mencadangkan aktiviti ini dalam pengajaran bahasa Arab untuk bukan penutur jati. Dengan adanya aktiviti selalu mencatat semula dan mengulang, pelajar dapat menambah ingatan dan memudahkan ungkapan dalam situasi tertentu.

Terjemahan merupakan sub strategi pengukuhan yang dapat memberi makna sebenar bagi perkataan dan ungkapan. Melalui terjemahan, pelajar dapat memahami makna sebenar dan dapat menggunakan ayat tersebut bagi menggambarkan situasi yang lain. Guru-guru menggunakan terjemahan melalui aktiviti terjemahan potongan ayat cerita, terjemahan perbualan, terjemahan sepontan ayat-ayat tertentu serta terjemah perkataan pilihan dalam teks. Keperluan terjemahan ini selari dengan dapatan kajian Rohaizaf (2014) yang menjelaskan bahawa sampel kajiannya memerlukan terjemahan bagi mengetahui makna sebenar. Begitu juga dapatan kajian Maziyyah (2016) yang menjelaskan pelajar lebih suka menggunakan terjemahan bagi mengetahui makna dan penggunaan sebenar sesuatu ayat. Kajian Rosni et al. (2016) menunjukkan pelajar cemerlang lebih suka menggunakan terjemahan bagi membantu mereka menguasai penggunaan bahasa dengan tepat.

Memperbaiki kesalahan merupakan salah satu sub dalam strategi pengukuhan yang selalu diamalkan oleh guru-guru melalui aktiviti menjawab soalan dan latihan, menulis, mendengar, membaca teks dan analisa serta pembentangan. Contohnya, guru memberi tugas penulisan untuk dibentangkan di hadapan kelas dengan memperbaiki kesalahan secara beramai-ramai bagi membantu pelajar memperbaiki bahasa mereka. Kajian Azlan et al. (2017) mencadangkan supaya aktiviti memperbaiki kesalahan ini diamalkan dalam proses PdP bagi meningkatkan penggunaan bahasa yang betul dalam kalangan pelajar.

Sub strategi pengukuhan terakhir ialah membina ayat yang selalu diamalkan oleh guru-guru melalui aktiviti kembangkan ayat, sambungkan ayat, membina ayat daripada perkataan yang diberi, gabungan perkataan dan ayat serta mengarang karangan. Aktiviti membina ayat ini dapat memperkukuh penggunaan ayat yang sedia ada dan dapat memperkembangkan ayat baharu bagi mengungkapkan pelbagai situasi. Aktiviti ini selalu digunakan dalam penulisan karangan, pembentangan, perbincangan dan persembahan. Kajian Afiah (2017) menunjukkan guru-guru yang berpengalaman selalu mengamalkan aktiviti membina ayat bagi membantu pelajar mempertingkatkan bahasa mereka. Amalan penggunaan

sub strategi membina ayat ini juga disokong oleh kajian Habibah (2015) yang menyatakan amalan membina ayat melalui karangan dapat menyokong pembelajaran pelajar. Kajian Muhammad Taqiuddin (2017) menjelaskan pelajar yang selalu mengamalkan pembinaan ayat sendiri dalam pelbagai situasi merupakan pelajar cemerlang bahasa. Sebagai contoh, pendebat bahasa Arab yang terbaik ialah mereka yang sentiasa membina ayat sendiri.

Dalam strategi aplikasi pula, didapati guru-guru sentiasa mengadakan aktiviti bahasa bagi memberi peluang kepada pelajar menggunakan bahasa. Aktiviti aplikasi bahasa boleh dibina dalam bentuk persekitaran bahasa yang disebut oleh Ibnu Khaldun (2002) sebagai persekitaran yang direka. Persekitaran ini penting bagi mendedahkan pelajar kepada pelbagai situasi penggunaan bahasa. Dengan terdapat persekitaran bahasa yang dibina dalam proses PdP, pelajar dapat mengaplikasikan bahasa yang mereka belajar. Dapatan kajian seperti Siti Asiah (2013), Maziyyah (2016), Rosni et al. (2016), Afiah (2017), Muhammad Taqiuddin (2017) dan Rohaizaf et al. (2018) menyokong amalan strategi aplikasi ini bagi memberi peluang kepada pelajar menggunakan bahasa dalam situasi sebenar. Tiga strategi yang dibincangkan ini dapat membentuk pengajaran bahasa Arab mengikut kehendak pembelajaran abad ke-21 (PAK-21) dengan memfokuskan pembelajaran berpusatkan murid dan penekanan kepada kemahiran komunikasi. Strategi ini juga diharap dapat diamalkan oleh guru-guru yang lain bagi mencapai objektif pembelajaran dan juga memenuhi keperluan PAK-21. Begitu juga badan-badan pendidikan yang bertanggung jawab disarankan agar mengadaptasi strategi ini dalam penawaran pembelajaran bahasa Arab.

## **KESIMPULAN**

Ibnu Khaldun mengemukakan strategi pengajaran bahasa Arab yang menepati kehendak pendekatan konstruktivisme yang memberi peluang kepada pelajar menguasai ilmu pengetahuan melalui pengalamannya. Begitu juga ia menepati pendekatan yang dikemukakan oleh sarjana barat seperti pembelajaran berpusatkan pelajar, pembelajaran berasaskan masalah, pembelajaran koperatif dan strategi SILL (Strategy Inventory for Language Learning). Mengikut pandangan beliau, strategi terbahagi kepada tiga bahagian; pengumpulan, pengukuhan dan aplikasi. Setiap pembahagian ini mempunyai tingkah laku tersendiri yang perlu diamalkan oleh guru-guru dalam PdP. Strategi ini dihuraikan oleh guru-guru mengikut amalan mereka yang dapat memberi kejayaan kepada pelajar. Kajian ini berharap pihak-pihak berkepentingan dapat mengadaptasi strategi ini bagi menjayakan PdP bahasa Arab di Malaysia.

## PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia yang memberi geran FRGS bagi menjayakan penjelidikan ini (USIM/FRGS/FPBU-32-52114).

## RUJUKAN

- Abdul Razif Zaini, Muhammad Redzaudin Ghazali, Rufian Ismail, Mohamad Rushdan Azizan, Nurshamsinar Zakaria, & Hasmadi Hamdan. (2017). Permasalahan dalam pengajaran Bahasa Arab di Malaysia. Paper presented at Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan 2017, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Abdul Razif Zaini. (2015). *Penguasaan kosa kata Bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu di peringkat universiti*. Unpublished doctoral dissertation, Faculty of Language and Linguistic, University of Malaya.
- Afiah Abdul Syukur. (2017). *Turuq Ta'lim Mufradaat Lughah Arabiyyah wa Jumaliha lada Muallimiin fi Madrasah Thanawiyah Diniyyah bi Wilayah Kelantan*. Unpublished Master's thesis, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Alhashemi, M. A. (2012). Vocabulary learning strategies used by learners of Arabic as a foreign language in the University of Islamic Sciences in Malaysia and their beliefs about vocabulary. *Journal of Educational Science*, 8(2), 105–117.
- Azlan Shaiful Baharum, Rosni Samah, & Rohaizaf Maizani Mat Zain. (2017). *Tahlil Akhta' Kitabiyah lada Annatiqin bi Ghairil Arabiyyah fi Jamiah Maliziyah*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Azman Che Mat, & Goh Ying Soon. (2010). Situasi pembelajaran bahasa asing di institut pengajian tinggi: Perbandingan antara Bahasa Arab, Bahasa Mandarin dan Bahasa Perancis. *ASEAN Journal of Teaching & Learning in Higher Education (AJTLHE)*, 2(2), 9–20.
- Dedek Febrian, Maimun Aqsha Lubis, Irma Martiny Md Yasim, & Nur Syamira Abdul Wahab. (2017). Teknik pengajaran Bahasa Arab interaktif di Pusat Bahasa Arab Negeri Selangor. *Asean Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 1(1), 78–93.
- Farah Wahidah Muhamad Nur. (2013). *Daur Mu'alim fi Iksab Tullab Maharat Kalam*. Unpublished BA thesis, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Fontana, A., & Frey, J. (1994). Methodology. Retrieved May 2010 from <http://mathison.edublogs.org/2008/02/21/fontana-frey-on-interviewing/>
- Habibah Mat Rejab. (2015). *Amalan pentaksiran dalam pengajaran dan pembelajaran Insya' Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)*. Unpublished doctoral dissertation, University of Malaya.
- Harun Baharudin, & Zawawi Ismail. (2014). Vocabulary learning strategies and Arabic vocabulary size among pre-university students in Malaysia. *International Education Studies*, 7(13), 219–226. <https://doi.org/10.5539/ies.v7n13p219>



- Haslina Abdul Ghani. (2013). *Asar Mumarathah Lughah Arabiyyah fi Takwiyyah Maharah Muhadathah lada Tolabah Sanah Rabiah Kulliyyah Lughaat Raisah fi bi Jamiah Ulum Islamiyyah Maliziyyah*. Unpublished BA thesis, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Ibnu Khaldun. (2002). *Muqaddimah Ibnu Khaldun*. Beirut: Dar Qalam.
- Irma Martiny Md Yasim, Maimun Aqsha Lubis, Zaid Arafat Mohd Noor, & Aishah Sjahrony. (2017). Penggunaan teknik pembelajaran aspek kosa kata Bahasa Arab dalam kalangan murid. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER)*, 1(1), 14–24.
- Kamarul Shukri Mat Teh. (2009). *Penggunaan strategi pembelajaran Bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama*. Unpublished doctoral dissertation, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mastura Arshad, & Kaseh Abu Bakar. (2012). Penggunaan strategi pembelajaran kemahiran bertutur Bahasa Arab: Kajian di Pusat Asasi UIAM. *Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12)*. Bangi: UKM.
- Maziyyah Othman. (2016). *Istikhdam Istiratijiyyat Tawasuliyyah lada Muta'alimin Lughah Arabiyyah bi Wasfiha Lughah Thaniyyah min Zawil Kafayah Ittisaliyyah 'Aliyyah wal Mutadaniyyah fi Jamiah Ulum Islamiyyah Maliziyyah*. Unpublished Master's thesis, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Merriam, S. (1998). *Qualitative research and case study application in education*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Mohd Zaki Ismail, Kaseh Abu Bakar, Nik Farhan Nik Mustafa, & Nurazan M. Rouyan. (2016). Strategy for learning Arab vocabulary with affixes. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 13, 113–133. <https://doi.org/10.32890/mjli2016.13.1.6>
- Muhammad Amnan Awang. (2016). *Tasmim Wahadaat Dirasiyyah fi Ilmi Bayan Bistikhdam Mudawwanah Elektroniyyah li Tolabah Qismi Lughah Arabiyyah wa Adabiha bi UIA*. Unpublished Master's thesis, International Islamic University Malaysia.
- Muhamad Tsabirin. (2017). Tatbiq Tariqah Mubasyirah fi Ta'lim Hiwar. *Lisanuna: Jurnal Ilmu Bahasa Arab dan Pembelajarannya*, 7(1), 83–106.
- Muhamad Thaqif. (2013). *Barnamij Takwiyyah Lughah Arabiyyah wa Dauruhu fi Iktisab Lughah Arabiyyah lada Tolabah Sanah Thaniah bi Kulliyyah Qiadah wa Idarah*. Unpublished BA thesis, Faculty of Major Languages, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Muhammad Taquiuddin. (2017). *Istikhdam Istiratijiyyat Ta'alum Munazzam Zatiyyan fi Ta'alumi Maharat Kalam lada Mutanadhirin Mumassilin li Jamiat Ulum Islamiyyah Maliziyyah*. Unpublished Master's thesis, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Nik Hanan Mustapha, & Rabiatul Aribah Muhd Isa. (2014). Arabic vocabulary learning strategies among non-native speakers: A case of IIUM. *Global Journal Al Thaqafah (GJAT)*, 4(2), 125–133. <https://doi.org/10.7187/GJAT722014.04.02>
- Nur Khamimi Zainudin, M. Sabri Sahrir, & M. Najib Jaafar. (2016). Scaffolding a conceptual support for personalized arabic vocabulary learning using augmented reality (AR) enhanced flashcards. *Journal of Personalized Learning*, 2(1), 95–103.

- Nurazan M. Rouyan. (2004). *Strategi pembelajaran bahasa dalam pembelajaran bahasa Arab: Kajian di KUSZA*. Unpublished Master's thesis, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Patton, M. Q. (1980). *Qualitative evaluation methods*. Beverly Hills: Sage Publications.
- Rohaizaf Maizani Mat Zain. (2014). *Istikhdam Tariqah Mubasyirah fi Ta'lim Maharat Kalam li Tullab Muftadiin min Natiqinabiha ka Lughah Thaniah fi Markaz Dirasaat Asasiah bi UIA*. Unpublished doctoral dissertation, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Rohaizaf Maizani Mat Zain, Rosni Samah, & Azlan Shaiful Baharum. (2018). *Ta'lim Maharatul Kitabah Billughah Arabiyyah lil Natiqiina bighairiha Asaru Istikhdam Tariqah Mubasyirah*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Rosni Samah, Fariza Puteh-Behak, Noor Saazai Mat Saad, Suraini Mohd Ali, Ramiaida Darmi, & Haliza Harun. (2016). Effective methods in learning Arabic language as a foreign language. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 7(3), 349–355. <https://doi.org/10.5901/mjss.2016.v7n3p349>
- Rosni Samah. (2014). Suggested strategies for non arabic speakers in learning arabic language. *Pensee Journal*, 76(1), 232–239.
- Siti Asiah Muhamad. (2013). *Ta'lim Lughaha Arabiah min Khilal Mushahadah Aflam Arabiah: Dirasah Midaniah wa Tahliliah Talabah Sanah Thalithah bi Kuliah Dirasaat Lughah Arabiyyah fi USIM*. Unpublished BA thesis, Universiti Sains Islam Malaysia.